# BAB KEENAM

# BAB VI

# PENUTUP

## 1. Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, maka di sini sampailah penulis kepada satu kesimpulan, bahawa Haji Abdul Malik Ahmad salah seorang tokoh dan pemikir Islam yang gigih mengembangkan dan mempertahankan ajaran Islam ke tengah-tengah umat, terutama dalam masalah *tauhid*. Dan selalu pula memberi kritikan dan tanggapan terhadap konsep-konsep teologi yang berkembang.

Dalam kajian ini Haji Abdul Malik Ahmad menanggapi konsep teologi yang dikemukakan oleh *Mu^c^tazilah* yang merupakan satu aliran *rasional* dalam Islam, di mana aliran ini memberikan kedudukan akal lebih tinggi, dan menyatakan manusia mempunyai kebebasan dalam berkemahuan dan berbuat, serta mempunyai ajaran dasar yang disebut dengan *Usul al-Khamsyah*, iaitu *al-Tauhid, al-'Adl, al-Wa'ad wa al-Wa'id, al-Manzilat baina al-Manzilatain, al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy `an-Mungkar.*

Fahaman *Mu^c^tazilah* itu membawa mereka kepada menolak fahaman *anthropomorphisme*, dan perbuatan manusia adalah diwujudkan oleh manusia itu

sendiri, serta meng*interpretasi*kan teks atau nas wahyu sesuai dengan pendapat akal.

Secara jelas dapatlah dikemukakan, bahawa pemikiran, tanggapan atau pandangan Haji Abdul Malik Ahmad tidak menerima sepenuhnya atau kurang sependapat dengan konsep yang dikemukakan oleh *Mu^c^tazilah*. Dia mempunyai pendapat yang berbeza dari apa yang dikemukakan atau konsep teologi yang ditampilkan oleh *Mu^c^tazilah* seperti akal dan wahyu, perbuatan manusia, sifat dan perbuatan Tuhan.

Perbezaan yang timbul antara Haji Abdul Malik Ahmad dengan konsep teologi yang dikemukakan oleh *Mu^c^tazilah* sebenarnya adalah dikeranakan berbezanya tempat atau dasar pandangan atau pemikiran mereka. *Mu^c^tazilah* memandang sesuatu dari sisi manusia sedangkan Haji Abdul Malik Ahmad melihat sesuatu dari sisi Tuhan.

Selain dari itu juga kerana berbezanya metod atau pendekatan yang mereka pergunakan. *Mu^c^tazilah* menggunakan metode *rasional*, Haji Abdul Malik Ahmad menggunakan metode atau pendekatan *tekstual*, yang mengharuskan akal tunduk di bawah nas-nas al-Qur'an.

Untuk lebih jelasnya dapat dikemukakan di sini, bahawa konsep Teologi *Mu^c^tazilah* dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

Akal mempunyai peranan yang kuat, justeru itu perbuatan manusia dapat ditentukan oleh manusia itu sendiri, dan *iradah, istita'ah* serta *qudrah* adalah dimiliki oleh manusia, maka dengan demikian mengetahui Tuhan, kewajipan mengetahui Tuhan, dan mengetahui baik dan buruk serta mengetahui dan melakukan yang baik dan meninggalkan yang buruk dapat dilakukan oleh manusia itu sendiri.

Tuhan harus berlaku adil terhadap manusia, yang berbuat baik harus dibalas dengan yang baik, dan yang berbuat jahat harus dibalas dengan yang jahat atau *ikrab*. Oleh kerana itu kekuasaan dan kehendak Tuhan adalah terbatas.

Tuhan tidak mempunyai sifat yang berdiri sendiri dan berpisah dari zat Tuhan. Ayat-ayat al-Qur'an yang menggambarkan Tuhan mempunyai jasad di*takwil*kan oleh *Mu^c^tazilah.*

Dengan kuatnya kemampuan akal oleh *Mu^c^tazilah,* maka wahyu hanya berfungsi sebagai *konfirmasi* dan *informasi* sahaja.

Konsep teologi *Mu^c^tazilah* mendapat kritikan dari Haji Abdul Malik Ahmad. Di mana dia menjelaskan, bahawa konsep teologi *Mu^c^tazilah* itu hanya memperbanyak referensi itu sendiri, dan bertentangan dengan al-Qur'an.

Untuk itu Haji Abdul Malik Ahmad mengemukakan konsep teologinya. Akal menurut Haji Abdul Malik adalah lemah dan mempunyai kemampuan yang terbatas. Oleh kerana itu wahyu berfungsi sebagai petunjuk dan pembimbing bagi akal.

Kerana lemahnya kemampuan akal manusia perbuatan *iradah, istita'ah,* dan *qudrah* manusia terbatas. Perbuatan Tuhanlah yang bersifat *absolut.* Manusia tidak mampu mengetahui kewajipan mengetahui Tuhan, baik dan buruk serta mengetahui baik dan melakukan yang baik dan meninggalkan yang buruk.

Tuhan mempunyai sifat sebagaimana yang terdapat dalam al-Qur'an. Haji Abdul Malik Ahmad tidak men*takwil*kan ayat-ayat yang *mutasyabihat.*

Perbezaan pandangan antara *Mu^c^tazilah* dan Haji Abdul Malik Ahmad adalah disebabkan oleh kerana berbezanya metod dan pendekatan yang dilakukan, *Mu^c^tazilah* menggunakan metod pendekatan *rasional,* melihatnya dari sisi manusia, dan men*takwil*kan ayat *mutasyabihat,* serta dipengaruhi oleh Filasafat

Barat. Sedangkan Haji Abdul Malik Ahmad, menggunakan pendekatan *tekstual* dan melihatnya dari sisi Tuhan, dan tidak men*takwilkan* ayat *mutasyabihat*, serta dipengaruhi oleh pemikiran *wahabi*.

Kedua-dua konsep itu sebenarnya mempunyai tujuan yang baik dalam mensuci dan mentauhidkan Allah SWT dan kedua-duanya mungkin sahaja berada dalam kebenaran.